

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJAH AZIZAH BINTI MOHD DUN**  
**[BEAUFORT]**  
**TARIKH : 05 DISEMBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 7**

**Y.B. DATUK HAJAH AZIZAH BINTI DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD DUN [ BEAUFORT ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) jumlah terkini penerima skim MySalam khususnya di negeri Sabah; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk memberikan kelonggaran bagi individu bujang B40 untuk menyertai skim MySalam.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan rekod sehingga 30 November 2019, jumlah tuntutan yang diluluskan di bawah Skim mySalam di Sabah adalah sebanyak 626 tuntutan dengan jumlah yang telah dibayar sebanyak RM911,500.00. Daripada 626 tuntutan yang telah dibayar, 531 adalah untuk tuntutan manfaat hospital dan 95 adalah tuntutan penyakit kritikal.

Skim Perlindungan Kesihatan Nasional mySalam yang telah diperkenalkan pada Belanjawan tahun 2019 bertujuan menyediakan perlindungan kesihatan takaful percuma kepada individu B40 yang juga penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) berumur 18 hingga 55 tahun, serta pasangan mereka.

Seperti yang diumumkan dalam pembentangan Belanjawan 2020 pada 11 Oktober 2019, perlindungan mySalam mulai 1 Januari 2020 akan dipanjangkan kepada:

- Perlindungan ke atas 45 penyakit kritikal termasuk penyakit terminal dan polio berbanding 36 penyakit sedia ada;
- Individu yang berumur sehingga 65 tahun berbanding dengan 55 tahun sekarang, yang akan memberi manfaat tambahan kepada 1.5 juta individu;
- Individu yang mempunyai pendapatan kasar tahunan sehingga RM100 ribu. Mereka akan menerima bayaran penyakit kritikal sebanyak RM4 ribu dan bayaran penggantian pendapatan sebanyak RM50 sehari untuk tempoh maksimum 14 hari apabila didiagnos dan dimasukkan ke hospital kerajaan. Ini akan memberi manfaat kepada 5 juta individu;
- Individu bujang berumur 40 tahun dan ke atas dengan pendapatan kurang daripada RM2 ribu sebulan; dan
- Individu bujang OKU.

Pasukan mySalam juga sedang dalam proses untuk bekerjasama dengan pihak

**NO SOALAN : 7**

*Urban Transformation Centre (UTC) di seluruh Malaysia bagi mengembangkan dan mempertingkatkan kesedaran tentang manfaat mySalam serta dalam proses menyediakan Kiosk Perkhidmatan di hospital utama seluruh negara secara berperingkat dan dijangkakan setiap negeri akan mempunyai kiosk ini pada penghujung tahun 2019.*

Di Sabah, pasukan mySalam telah menubuhkan dan mengoperasikan 3 buah Kiosk Perkhidmatan setakat ini, iaitu Hospital Queen Elizabeth 1, Hospital Wanita dan Kanak-Kanak, Likas dan Hospital Duchess of Kent, Sandakan. 2 buah Kiosk akan dibuka dalam tempoh terdekat iaitu di Hospital Tawau dan Lahad Datu, tertakluk kepada kelulusan pengurusan Hospital.

Pasukan mySalam juga telah bergerak dari satu lokasi ke lokasi lain secara aktif bagi mempromosikan dan meningkatkan kesedaran tentang Skim ini. Keberkesanan program promosi dan kesedaran ini dijangkakan akan terus naik dengan segala aktiviti-aktiviti lanjutan yang telah dirancang oleh pasukan mySalam untuk bulan-bulan seterusnya.

Penerima yang mempunyai sebarang semakan pendaftaran dan pertanyaan berkenaan Skim mySalam boleh melayari laman web mySalam di [www.mysalam.com.my](http://www.mysalam.com.my) dan membuat panggilan ke pasukan mySalam di talian yang diberikan.